

METODOLOGI

Metodologi bererti ^cilmu tentang cara mengadakan penelitian.¹ Ia berasal dari bahasa Yunani yaitu metod yang bererti jalan atau cara.² Logos pula bererti ^cilmu. Sebagai pengertian nya, metodologi ialah ^cilmu tentang cara. Tegasnya cara kerja untuk memahami subjek yang menjadi sasaran ^cilmu yang bersangkutan.

Metodologi penting di dalam membuat sesuatu kajian bagi mendalami objek yang menjadi sasaran perbincangan dan kajian. Sesuatu kajian itu dianggap bernilai seandainya penggunaan metod itu menepati objek yang dituju. Bagi menyempurnakan lagi kajian ^cilmiah ini penulis telah menggunakan beberapa metod ia itu:

1. Metod Penentuan Subjek.
2. Metod Pengumpulan Data.
3. Metod Analisa Data Dan Penulisan.

1. Metod Penentuan Subjek.

¹Imam Barnadib, Arti Dan Metode Sejarah Pendidikan, Yogyakarta: Yayasan Penerbitan FIP-IKIP, t.c., 1985, hal. 51.

²Koentjaraningrat (et.), Metod-Metod Penelitian Masyarakat, Jakarta: P.T. Gramedia, t.c., 1986, hal. 7.

³Abdul Halim bin Haji Mat Diah, op.cit., hal. 101.

Penulis telah menggunakan metod sampling sebagai subjek penelitian. Ini dilakukan kerana kedapatan ramai guru-guru fardhu ^Cain wanita di Jajahan Tumpat dari pertubuhan yang berbeza. Masing-masing mempunyai nama dan keistimewaan yang tersendiri. Lantaran ketidakupayaan penulis untuk menjalankan kajian bagi kesemua guru-guru tersebut, maka penulis telah memilih guru-guru tertentu sahaja sebagai contoh penelitian.

Subjek-subjek yang menjadi sample itu ialah guru-guru fardhu ^Cain wanita di bawah kelolaan:

1. Jabatan Hal Ehwal Ugama Islam Kelantan (JHEUIK).
2. Kemajuan Masyarakat (KEMAS).
3. Sukarela.

Pemilihan sample-sample tersebut adalah berdasarkan faktor pendekatan yang dilakukan oleh mereka untuk menyebarkan ilmu-ilmu agama di samping berda^Cwah kepada masyarakat wanita.

Penggunaan metod ini ditentukan tempat penelitiannya ia itu di kawasan Tumpat. Ini adalah kerana penulis menyedari peranan dan sumbangan ketiga-tiga badan tersebut terhadap generasi wanita di sini semakin terserlah.

Subjek yang dibicarakan ini terdapat di dalam bab IV (Analisa data dan penulisan). Di sini penulis berusaha untuk memberikan gambaran sejelas mungkin tentang struktur organisasi dan kelas pengajian oleh pihak-pihak yang terlibat.

2. Metod Pengumpulan Data.

Metod ini mengetengahkan usaha-usaha yang dilakukan dengan cara pengumpulan data dan penafsiran terhadap data yang terkumpul.⁴ Untuk itu, penulis telah menggunakan beberapa buah metod bagi mengkaji, memproses dan menyusun data. Metod-metod itu ialah:

- a. Metod Historis
- b. Metod Dokumentasi
- c. Metod Interview
- d. Metod Observasi
- e. Metod Soal Selidik

a. Metod Historis.

Iaitu "cara penyelidikan yang mengimpalikasikan pemecahan ilmiah dari perspektif historis tentang masalah yang dibahaskan."⁵ Ia digunakan sebagai alat yang memastikan fakta.

Metod ini terdapat di dalam bab 1 (Latar Belakang Masalah), iaitu bukti kedatangan islam di Kelantan dan perkembangan kelas agama (fardhu 'ain) pada peringkat awal. Terdapat juga di dalam bab 11 (Landasan Teori). Penulis menjelaskan sumbangan wanita islam terhadap aktiviti dewan.

⁴ ibid., hal. 111

⁵ ibid., hal. 37

b. Metod Dokumentasi.

Metod ini membawa erti cara pengumpulan data dengan melakukan studi terhadap dokumen-dokumen yang ada kaitannya dengan masalah yang dikaji. Dokumen merupakan benda bertulis yang dapat memberi berbagai macam keterangan.⁶ Suatu tanda yang meskipun tidak bernyawa merupakan juru penerang kepada masyarakat manusia.

Termasuk di dalam dokumen antara lain ialah kumpulan hukum-hukum, peraturan-peraturan, keputusan-keputusan pengadilan, gambar-gambar dan sebagainya.⁷ Al Qur'ān dan sunnah Rasulullah s.a.w. juga digolongkan sebagai dokumen kerana sifatnya sebagai sumber yang tertulis dan terjamin keasliannya.⁸

Dokumen-dokumen yang penulis perolehi berupa sumber pertama dan kedua iaitu:

- i. Al Qur'ān dan hadis.
- ii. Laporan Tahunan Jabatan Hal Ehwal Ugama Islam Kelantan.
- iii. Penyata Tahunan Majlis Ugama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.
- iv. Profil Jajahan Tumpat.

⁶ Imam Barnadib, op.cit., hal. 55.

⁷ ibid.

⁸ Abdul Halim bin Haji Mat Diah, op.cit., hal. 116

- v. Buku-buku, majalah-majalah dan bahan-bahan bertulis yang berkaitan dengan tajuk kajian.

Penggunaan metod dokumentasi ini adalah untuk memperkatkan tentang:

- i. Latar belakang masalah.
- ii Landasan teori.
- iii Metodologi
- iv. Analisa data dan penulisan, di bawah tajuk struktur organisasi guru-guru fardhu ^cain wanita.
- v. Kesimpulan dan penutup di bawah tajuk saranan-saranan untuk guru-guru fardhu ^cain wanita dan para pelajar.

c. Metod Interview.

Metod ini banyak digunakan oleh penulis bagi mendapatkan data dan maklumat. Ia bererti mencuba mendapatkan keterangan a tau pendirian secara langsung dari responden, bercakap-cakap berhadapan muka dengan orang itu.⁹ Menjadi pembantu utama kepada metod observasi. Metod ini ditujukan kepada mereka yang terlibat dengan tajuk kajian samada secara langsung atau tidak.

Interview dilakukan adalah untuk memperolehi data fakta mengenai:

⁹Koentjaraningrat, op.cit., hal. 162.

i. Latar belakang masalah.

Ditujukan kepada pihak-pihak tertentu sebagai mewakili Majlis Ugama Islam Kelantan, Jabatan Hal Ehwal Ugama Islam Kelantan, Kemajuan Masyarakat dan golongan sukarela.

ii. Analisa data dan penulisan.

Responden yang diinterview ialah guru-guru fardhu ^Cain wanita, para pelajar mereka serta pihak yang terlibat secara langsung dengan kegiatan guru-guru fardhu ^Cain wanita di Jajahan Tumpat. Tujuannya ialah untuk memperolehi maklumat tentang kelas pengajian guru-guru fardhu ^Cain wanita serta menilai keberkesananannya.

iii. Penutup dan kesimpulan.

Penulis menapis kritikan dan saranan membina, hasil dari interview sebagai jalan penyelesaian terhadap permasalahan yang dihadapi.

Untuk menjamin kevalidan dan mendapat maklumat secara sistematik, penulis terlebih dahulu menyediakan soalan yang bakal dikemukakan (interview guide). Soalan-soalan tersebut dibagikan kepada tiga kelompok iaitu pihak atasan, guru-guru fardhu ^Cain wanita dan para pelajar. Jelasnya soalan-soalan penulis berasaskan informer dan responden.

Mereka yang telah diinterview itu ialah:

- i. Pengelola Mubaligh Jabatan Hal Ehwal Ugama Islam Kelantan.
- ii. Bekas Pegawai Ugama (1982-1988) Majlis Ugama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan
- iii. Penolong Pegawai Ugama, Majlis Ugama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Melayu Kelantan.
- iv. Penyelia Mubaligh Jabatan Hal Ehwal Ugama Islam Kelantan (Kawasan Parlimen Tumpat).
- v. Penyelia Kanan Pembangunan Masyarakat.
- vi. Guru-guru fardhu ^cain wanita yang mewakili pihak JHEUIK, KEMAS dan Sukarela.
- vii. Para pelajar yang menghadiri kelas-kelas fardhu ^ca in wanita.

Di dalam mendapatkan keterangan melalui individu, penulis juga berpeluang membuat pemerhatian secara langsung kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan logik kajian.

d. Metod Observasi.

Metod ini bererti cara pengumpulan data dengan melakukan pengamatan secara langsung terhadap objek-objek penelitian.¹⁰ Termasuk di dalamnya juga pemerhatian penulis sebagai penun^{ut} di kelas-kelas begini yang sentiasa terdedah kepada situasi semasa mengenainya.

^{10c} Abdul Halim bin Haji Mat Diah, op.cit., hal. 129.

Ia digunakan di dalam bab IV (Analisa data dan penulisan). Teknik penelitian ditujukan kepada para pelajar dan guru-guru bagi memperoleh ma^clumat tentang sambutan serta keberkesanan pengajian di kelas-kelas tersebut.

Metod ini juga terdapat di dalam bab V. Hasil dari pemerhatian orang-orang tertentu dan penulis sendiri, disimpulkan saranan positif terhadap mereka yang terlibat menjayakan kelas kelas ini.

e. Metod soal selidik.

Penggunaan metod ini adalah untuk menjimatkan masa penulis di samping memperoleh ma^clumat secara terbuka dari responden. Ia penting di dalam menilai sejauh manakah keberkesanan dan kejayaan program keagamaan di bawah kelolaan guru-guru wanita. Ma^clumat yang diperolehi telah penulis tempatkan di dalam bab IV (Analisa data dan penulisan).

Borang soal selidik ini ditujukan kepada mereka yang mengikuti kelas-kelas fardhu ^cain wanita, meliputi golongan tua dan muda. Kelas-kelas yang terlibat di dalam kajian adalah dimiliki oleh pihak JHEUIK, KEMAS dan sukarela.

Sebanyak 50 set borang soal selidik telah diedarkan kepada responden yang terlibat melalui wakil tertentu. Ini adalah kerana penulis menghadapi kesukaran untuk menghubungi ^{mereka} dan memerlukan masa yang lama.

3. Metod Analisa Data Dan Penulisan.

Bagi tujuan memproses, menganalisa dan mendapat gambaran sebenar untuk dibuat kesimpulan, penulis telah menggunakan beberapa metod iaitu:

- a. Metod Induktif.
- b. Metod Deduktif.
- c. Metod Komparatif.

a. Metod Induktif.

Ia bererti penganalisaan data melalui pola berfikir yang mencari pembuktian dari hal-hal yang bersifat khusus untuk sampai kepada dalil-dalil yang bersifat umum.¹¹ Penulis terlebih dahulu membentangkan dalil-dalil yang bersifat khusus dan darinya dibuat kesimpulan yang bersifat umum.

Metod ini digunakan di dalam bab II (Landasan Teori). Penulis membawakan pandangan golongan mu^ctabar mengenai pengertian da^cwah menurut konteks Islam. Ini diikuti oleh kesimpulan umum yang dibuat oleh penulis yang merangkumi pendapat-pendapat itu.

Ia juga didapati di dalam bab IV (Analisa data dan penulisan). Di sini penulis menjelaskan segala citarasa dan tindak

¹¹ Imam Barnadib, op.cit., hal. 52.

balas para pelajar terhadap kelas-kelas fardhu^Cain wanita yang dihadiri. Seterusnya diambil kesimpulan dari gelegat mereka i-tu secara keseluruhan sebagai salah satu faktor yang mempengaruhi penghayatan mereka di dalam menimba^Cilmu.

b. Metod Deduktif.

Merupakan cara menganalisa data dan melakukan penulisan dengan berdasarkan pola berfikir yang mencari pembuktian dengan berpijak pada dalil-dalil umum terhadap hal-hal khusus.¹²

Contoh penggunaan metod ini dapat dilihat di dalam bab 11 (Landasan Teori). Pada awalnya penulis menjelaskan hukum berda^Cwah secara umum. Kemudian didatangkan dalil-dalil khusus sebagai sandaran kepada hukum-hukum tadi.

c. Metod Komparatif.

Ia diertikan sebagai cara membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan terhadap beberapa data yang diperolehi di dalam masa penelitian dijalankan.¹³ Segala fakta dan pendapat ahli yang mempunyai kuasa (otoriti) dikumpulkan dan dibuat perbandingan untuk dijadikan kesimpulan. Penggunaan metod ini adalah penting bagi menerbitkan perbandingan yang saksama.

¹² ibid.

¹³ Abdul Halim bin Haji Mat Diah, op.cit., hal.136.

Metod ini dapat dilihat di dalam bab IV. Penulis membandingkan segala data dan fakta yang berhubungan dengan pengajian di kelas-kelas fardhu ^Cain wanita. Hasil darinya dapatlah diketahui sejauhmanakah prestasi kejayaan di kelas-kelas tersebut.

Penulis juga banyak menerima saranan membina bagi tujuan menggalakkan lagi mutu pembelajaran di kelas-kelas begini. Setelah dilakukan perbandingan dipaparkan saranan-saranan serta langkah-langkah terbaik yang bersesuaian dengan kehendak agama dan masyarakat. Jelasnya metod ini juga dijumpai di dalam bab V (Penutup Dan Kesimpulan).